

13/01/1997

NGO perlu fahami hasrat rakyat

PERTUBUHAN Bukan Kerajaan atau apa yang sering dikatakan NGO adalah organisasi yang wujud dalam sesebuah negara dengan matlamat tertentu. Ada yang berteraskan kepada kebajikan, sosial, ekonomi, antarabangsa dan sebagainya. Di Barat, NGO adalah pengkritik utama kerajaan. Oleh itu, mereka bergerak bebas dan terus mengkritik. Bagi sesetengah kerajaan, kritik NGO langsung tidak berbisa. Ini kerana kritikan bukan saja datang dari NGO sahaja, malah dari pelbagai pihak. Kerajaan berkenaan sudah lali dengan kritikan. NGO yang hilang taring ini pun cuba mencari populariti baru di luar negara mereka, untuk meluaskan empayar dengan menggunakan hak asasi manusia sebagai isu dominan. Mereka mencari-cari pengurusan NGO yang kurang berpegang kepada prinsip dan tidak bersifat nasionalisme. Malangnya, mereka melihat beberapa NGO seperti itu beroperasi di Malaysia. Maka, pemimpin NGO berkenaan pun diperalatkan oleh golongan ini.

Pada kita, NGO sepatutnya menjadi pendokong bukan penentang usaha yang baik, NGO sepatutnya memberi idea bukan menentang idea kerajaan dan NGO sepatutnya bergerak atas landasan kepentingan negara, bukan kepentingan organisasi yang mana mereka bernaung. Kebelakangan ini kita sering melihat gelagat NGO yang bertindak seolah-olah mereka adalah pertubuhan politik. Cara mereka bertindak lebih mendorong kepada perdebatan politik, sedangkan kerajaan tidak boleh mencabar mereka bertanding kerana bagi mereka berdiri atas platform berbeza sedangkan cuba bermain politik.

Di Malaysia kerajaan sentiasa bersikap liberal terhadap organisasi yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan. Kerajaan banyak membantu pertubuhan yang jelas pendirian visi dan misinya, berusaha memperjuangkan kepentingan ahli dan sama-sama mempertahankan undang-undang dan kedaulatan negara. Sudah tentu, kerajaan tidak memberi muka kepada badan yang mirip bertindak secara militan atau badan yang meletakkan kepentingan prinsip mereka lebih besar daripada kepentingan rakyat dan negara. NGO seperti ini sering membuat tuduhan, sedangkan siasatan mengenai sesuatu perkara yang dibangkitkan tidak pun dijalankan. Jika ada pun, ia dijalankan oleh orang luar yang niat mereka sengaja mencari kesalahan.

Kita sebenarnya menerima NGO kerana pada kita ia adalah sebahagian daripada unit-unit yang turut membantu meningkatkan kemajuan negara. NGO juga mempunyai sumbangan mereka untuk menjadikan negara kita pada tahap yang wujud hari ini. Kita mengucapkan syabas kepada NGO yang berjasa. Namun, kita tetap memandang serong terhadap NGO yang hanya mahu mencari kesalahan orang lain kerana mempunyai tujuan tersembunyi. Setiap gerakan mereka kita curigai atas sifat-sifat kepemimpinan mereka yang lebih cenderung memihak kepada kumpulan lain di luar negara. Oleh itu, jika Majlis Tertinggi (MT) Umno memandang berat tindakan beberapa orang tertentu menyalahgunakan NGO untuk menjadi pendesak masyarakat dan memburukkan kerajaan, rakyat seharusnya bersikap membenci NGO seperti itu. Ini kerana rakyatlah yang dijadikan alat hasutannya, kononnya apa yang disuarakan mereka adalah atas nama hak rakyat. NGO seperti ini mahu rakyat bangkit menentang kerajaan dan akhirnya mencetuskan huru-hara. Jika tidak ada bukti, NGO seperti ini akan berusaha mendapatkannya walaupun bukti yang mereka perolehi adalah secara umum. Bagi yang terpengaruh, mereka akan menjadi mangsa hasutan dan menjadi penentang kerajaan.

Di Malaysia, pendirian kerajaan terhadap NGO adalah jelas. Sebagaimana dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin

bahawa kerajaan mahu NGO betul-betul menyuarakan pendapat orang ramai, bukan pendapat satu, dua orang saja. Ini bermakna NGO perlu memahami hasrat kerajaan dan rakyat. Kita perlu akui bahawa ada antara NGO yang ditaja oleh organisasi di peringkat antarabangsa. Tanpa organisasi ini, NGO yang wujud di negara ini tidak berfungsi. Semua ini menjadikan pemikiran mereka ditakluki. Mereka di negara ini tidak lebih sebagai ejen. Mereka memberi maklumat mengenai kelemahan kerajaan dan melihat apa saja yang dilakukan, bertentangan dengan prinsip keadilan. Sebenarnya, memang inilah yang dicari oleh pertubuhan peringkat antarabangsa. Mereka mahu kita bercakaran supaya mereka boleh terus menjajah pemikiran kita. Pada kita NGO seperti ini perlu dibubarkan kerana kehadiran mereka lebih menyusahkan rakyat.

(END)